

## **MASJID SEBAGAI PUSAT PENDIDIKAN KANAK-KANAK: SATU TINJAUAN**

**Siti Zaharah Abd Hamid**

**Safinah Ismail**

**Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)**

### **ABSTRAK**

*Masjid memainkan peranan penting dalam mendidik kanak-kanak agar mereka dekat dan cinta kepadanya. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan tentang masjid sebagai pusat pendidikan kepada kanak-kanak. Objektif kajian ini adalah mengenalpastikan pendidikan yang diberikan oleh masjid kepada kanak-kanak. Metode penyelidikan yang telah digunakan adalah metode dokumentasi, kepustakaan dan pemerhatian. Dapatkan kajian adalah semua masjid perlu ‘kids friendly’ dan menjadikan masjid sebagai rumah ke 2 kanak-kanak. Di masjid, kanak-kanak dapat di didik rohaninya melalui pengajian al-Quran, praktik ibadah dan penerapan aqidah. Manakala pendidikan jasmani juga boleh diterapkan kepada mereka seperti latihan jasmani (memanah), olahraga, pelbagai jenis pertandingan dapat diadakan diperkarangan masjid. Diharapkan kertas kerja ini dapat dijadikan panduan kepada ajk masjid dan masyarakat dalam proses penyampaian ilmu kepada kanak-kanak sama ada secara formal atau sebaliknya dan mengubahkan ‘mindset’ sesetengah orang yang menjadikan masjid hanya untuk golongan dewasa sahaja.*

**Kata Kunci :** Masjid, Al-Quran dan Pendidikan

## Pengenalan

Masjid bagi umat Islam seperti jantung kerana dari masjidlah Rasulullah membangun peradaban Islam dan karakter umat Islam sebagai khalifah di muka bumi. Rasulullah menggunakan masjid untuk mengajarkan para sahabat agama Islam, membina mental dan akhlak mereka, seringkali dilakukan setelah sholat berjama'ah, dan juga dilakukan selain waktu tersebut. Masjid pada waktu itu mempunyai fungsi sebagai "sekolah" seperti saat ini, gurunya adalah Rasulullah dan murid-muridnya adalah para sahabat yang haus ilmu dan ingin mempelajari Islam lebih mendalam. Tradisi ini juga kemudian diikuti oleh para sahabat dan penguasa Islam selanjutnya, bahkan dalam perkembangan keilmuan Islam, proses "ta'lim" lebih sering di lakukan di masjid, tradisi ini dikenal dengan nama "halaqah", banyak ulama-ulama yang lahir dari tradisi halaqah ini.<sup>1</sup> pengajian itu dihadiri dari pelbagai peringkat umur.

Senareo kini yang dapat dilihat, ada sesetengah masjid jemaahnya kurang senang dengan kanak-kanak yang datang ke masjid, mereka dihalau untuk berada jauh di belakang sesama mereka. Cuba bayangkan apa yang akan berlaku apabila mereka berada sesama mereka mungkin bising berborak, mungkin bergurau, mungkin yang lebih besar membuli yang lebih kecil. Ada kalanya kanak-kanak ini dimarahi, jadi jiwa anak-anak kecil yang tercalar mungkin membuatkan mereka merasa tidak ingin lagi ke masjid. Mereka kembali semula ke masjid apabila sudah meningkat dewasa<sup>2</sup>, sedangkan waktu kanak-kanak inilah perlu dibaja jiwa mereka agar dekat dan cinta pada rumah Allah.

Masjid dalam sejarah kegemilangannya adalah sebagai pusat pembentukan keperibadian masyarakat Islam. Ia merupakan pusat utama bagi penerapan aqidah dan syariat Islam yang menjadi dasar bagi pendidikan Islam. Justeru, sebahagian dari beberapa aspek praktis dari pendidikan dan penerapan pengajian Islam kepada kanaka-kanak yang dapat dilaksanakan melalui masjid.<sup>3</sup>

## Masjid Memberikan Pendidikan Rohani

Masjid pada zaman Rasulullah, menjadi tempat yang penting dalam usaha menyampaikan dan menyebarluaskan Islam kepada umat manusia yang hidup sezaman dengan Baginda. Ini semua bermula di masjid sebagai wadah dalam perkembangan ilmu Islam. Kini, peranan masjid tidak lari jauh daripada fungsi penyebaran ilmu di mana ia dijadikan 'one stop centre' untuk berdakwah. Pengajaran agama dan al quran kepada golongan dewasa dan kanak- kanak terus rancak dijalankan di masjid. Aktiviti ini sekaligus dapat menghidupkan masjid tersebut. Sistem pendidikan Islam hendaklah dihidupkan semula di masjid- masjid untuk umum sama ada kanak- kanak dan juga wanita yang melibatkan pendekatan yang terbaik dari guru- guru yang berwibawa dan mahir.<sup>4</sup>

Pengajaran Al-Quran lebih berkesan di berikan di masjid. Peranan masjid sebagai pusat pengajaran Al-Quran bagi kanak-kanak sudah wujud sejak permulaan Islam bahkan sepanjang usia masjid yang masih tetap berfungsi. Mengajar kanak-kanak dengan al-Quran sewaktu kecil bermakna seseorang itu telah menggunakan peluang keemasan dengan sepenuhnya.oleh itu, Ibu bapa perlu mempersiapkan anak mereka dengan senjata Al-quran sejak dari kecil supaya mereka berjaya menempuh zaman remaja yang

---

<sup>1</sup> Fungsi Dan Peranan Masjid Di Era Moden .<http://hasanfatula.blogspot.com>.

<sup>2</sup> <http://wanibrismfikry.wordpress.com/2010/04/04/memuliakan-tak-kena-cara/>

<sup>3</sup> Siti Zaharah A.Hamid.1981.Peranan Masjid dalam Pembentukan keperibadian Kanak-kanak.Skripsi Sarjana Muda Usuluddin dan Kemasyarakatan Nilam Puri. Ms 109

<sup>4</sup> Norkumala binti Awang. Membudayakan Masjid Dalam Kalangan Generasi Muslim dalam <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/artikel/8173-membudayakan-masjid-dalam-kalangan-generasi-muslim>

penuh dengan perangkap dan tipu daya yang amat hebat,<sup>5</sup> mereka juga boleh dilatih belajar al-Quran di masjid-masjid agar jiwa kanak-kanak dekat dan cinta dengan masjid. Kebanyakan masjid telah digunakan sebagai pusat belajar al-Quran. Amalan ini haruslah diteruskan, tetapi ada baiknya jika ditambah amalan yang bukan sahaja setakat mengajar al-Quran kepada anak-anak, tetapi juga menerangkan maknanya atau diberi tafsiran al-Quran kepada mereka supaya mereka sendiri memnaca ayat-ayat suci.<sup>6</sup>

Oleh itu melalui masjid, kanak-kanak perlu ditanamkan perasaan hormat dan kasih ibu bapanya kerana kekaguman dan penghargaan terhadap ibu bapanya adalah penting untuk pembinaan jiwa, moral, fikirannya. Dari sini lahirlah babit-babit yang akan menumbuhkan kepercayaan kepada Allah S.W.T<sup>7</sup> Pemindahan rasa kagum dan hormat daripada ibu bapa kepada hormat dan mengagungkan Allah lebih mudah terbentuk apabila proses ini berjalan dilingkungan masjid. Suasana dan gambaran yang terdapat di sekitarnya dapat memudahkan kanak-kanak menerima saranan-saranan keagamaan. Kanak-kanak mudah terarah untuk menerima konsep ketuhanan apabila melihat orang-orang dewasa turut patuh dan terarah dalam membentuk jemaah sembahyang.

Kanak-kanak dengan secara bersahaja diajarkan mengenai iman yang isi dan penyampaiannya serta caranya dapat ditampung oleh akalnya yang baru tumbuh. Misalnya, bahawa tuhan itu ada dan Dia sayang kepada anak yang baik dan benci kepada anak-anak yang nakal. Sifat-sifat Allah ( Pengasih Penyayang, pemurah, pengampun dan lain-lain ) dapat difahamkan kepada jiwa kanak-kanak melalui perlakuan dan perlayanan para pendidik dan suasana harmonis yang biasa wujud dikalangan jemaah masjid. Dengan cara memberi sanjungan kepada kanak-kanak yang boleh membuat kerja dengan baik dan mengenakan ‘ hukuman’ sewajarnya terhadap kesalahannya, kanak-kanak dapat difahamkan mengenai wujud kekuasaan dan balasan Allah.

Ibadah dapat memberikan kesan yang besar dalam proses pembentukan keperibadian seseorang dan dapat menyemai semangat kemasyarakatan yang utama bagi diri seseorang. Ibadah mengawal jiwa agama seseorang dari melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kehendak semulajadi ( fitrah ) manusia. Bilamana jiwa agama seseorang terpelihara, dengan mudah terbentuk asas bagi melahirkan sifat dan akhlak yang mulia pada diri seseorang. Proses penerapan aqidah dan pembinaan ibadah keatas seseorang kanak-kanak dapat berjalan dengan lancar dan berkesan bila ianya dapat dilaksanakan di lingkungan masjid. Ini tidak merupakan suatu idea baru kerana sejarah telah membuktikan bahawa masjid adalah pusat utama bagi ibadah.

Suara azan yang berkumandang di udara mempunyai pegaruh yang besar terutama bagi jiwa kanak-kanak. Kanak-kanak begitu gemar dan paling cepat meniru ( initasi ) terutama dengan bunyan dan nyanyian ( seni suara ). Dengan mendengar azan mereka akan mengulang-ulangi lafadz takbir, dengan tidak secara langsung, lidah mereka terbiasa dengannya bahkan ini dapat member kesan kejiwaan bagi kanak-kanak yang memang sudah sedia mempunyai perasaan beragama. Selain dari pengertian yang diberikan oleh orang-orang dalam lingkungannya tentang tujuan azan, mereka sendiri dapat ( terbiasa ) melihat. Setiap azan dilaungkan orang-orang akan segera meninggalkan segala jenis pekerjaan mereka dan terus menuju ke masjid. Keadaan ini belum pasti didapati atau tidak mudah terdapat dalam lingkungan-lingkungan pendidikan yang lain. Proses penerapan aqidah dan pembiasaan

---

<sup>5</sup> Amri Mohd Nason Dan Aishah Hashimee. 2011. Kepentingan Mencorak Anak Dengan Al-Quran.ebook

<sup>6</sup> Mohd Hairul Wariadi Bin Masandid. 2011. Keberkesanan Program Dakwah Di Masjid Al-Najihin Bandar Sri Permaisuri Kuala Lumpur. Latihan Ilmiah Diploma Pengajian Islam (Dakwah) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.hlm 33

<sup>7</sup> Drs. Sidi Gazalba,1975, Ilmu Jiwa Kanak-Kanak,Pustaka Antara,Jakarta.

ibadah ke atas seseorang kanak-kanak dapat berjalan dengan lancar dan berkesan bila ianya dapat dilaksanakan dilingkungan masjid. Melalui solat ( sembahyang ) kanak-kanak dapat disemaikan beberapa nilai yang utama seperti disiplin, rasa persamaan, menjaga waktu, sopan, sabar, patuh, dan sebagainya.<sup>8</sup>

Dengan melihat keadaan saf jemaah yang teratur, gerak yang dilakukan makmum selepas imam. Setiap anggota jemaah boleh memilih tempatnya tanpa mengira darjat dan keturunan. Keadaan jemaahnya yang berzikir menunggu sembahyang dimula, semuanya bukan sahaja dapat ditiru oleh kanak-kanak yang mempunyai dorongan meniru ( initasi ) tetapi juga dapat menyemai beberapa nilai peribadi dan sifat dan sikap utama seperti sifat patuh dan taat, disiplin, rasa sama rata, sabar, tertib, sopan, menjaga waktu dan sebagainya.

Dengan cara mengawal gerak kanak-kanak yang serampangan dan tidak sesuai dengan maksud gerakan solat, dengan membiasakan ucapan-ucapan ( hafalan ) doa-doa solat ( mengawal dan mempergunakan tenaga jasmani dan jiwa ) dengan menahan nafsu dan beberapa jenis perasaan misalnya rasa lucu ( ingin tertawa ) dan sebagainya.<sup>9</sup> Kanak-kanak bukan sahaja ditanamkan cara-cara bersembahyang pada yang tepat tetapi juga sifat sopan dan patuh serta mengawal keinginan semulajadi.

Ibadah puasa yang walaupun pada mulanya cuma cara ikut-ikutan oleh kanak-kanak supaya dapat sama-sama berbuka dalam keluarganya dapat menanam perasaan sabar, mengawal kenakalan kanak-kanak, menanam perasaan belas kasihan sesama manusia, menanam rasa hormat dan membesarluhan hari-hari kebesaran Islam, menanam sifat ikhlas ( jujur ) dan percaya pada diri sendiri.

Di masjid kanak-kanak melihat bagaimana pembayaran zakat dilakukan. Ini dapat menanam pengertian yang membawa kepada terbentuk sikap pemurah, belas kasihan dan kerjasama dan tolong-menolong. Mereka perlu dilatih melakukan amalan zakat untuk diri mereka. Ini dapat menanam sikap harga diri ( self concept ) dan membiasakan mereka bersifat menolong orang lain dan menanamkan perasaan berterima kasih ( syukur ) dengan pemberian terutama nikmat Allah. Melalui masjid kanak-kanak juga dapat diajar dan ditanam sikap hormat kepada masjid dan ditanam perasaan tanggungjawab selayaknya untuk menjaga kebersihan masjid.

Disamping praktik ibadah dan pembiasaan-pembiasaan yang dilalui oleh kanak-kanak, penamaan unsur-unsur keimanan ( kepercayaan ) juga lebih berkesan diberikan melaui masjid. Kepercayaan kepada Allah dan segala sifatnya seperti telah disentuh sebelum ini, membawa kepada terbentuknya kepercayaan kepada dasar-dasar iman yang lain.

Melalui kisah-kisah hidup Rasulullah S.A.W dan keluarga serta para sahabatnya ( terutama dari zaman kanak-kanak ), kanak-kanak yang menggemar mendengar cerita-cerita itu, dapat digalakkan mencontohi dan bersifat seperti apa yang didengarnya. Kanak-kanak mempunyai kecenderungan menerima dan berbuat terutama seperti orang-orang yang sebaya dengannya. Sifat-sifat terpuji pada Rasulullah S.A.W dan para sahabat serta peristiwa yang dilalui oleh mereka banyak berlaku di masjid.

Keadaan dan suasana yang terdapat di masjid membantu pendidik dalam menerapkan kepercayaan kanak-kanak kepada perkara-perkara ghaib, seperti malaikat, hari akhirat dan lain-lain yang tidak dapat ditangkap oleh pancaindera kanak-kanak. Daya khayal yang memang begitu besar terdapat pada diri setiap kanak-kanak dapat terarah dan terpimpin kepada arah yang lebih wajar melaui masjid.

Gambaran mengenai para malaikat sebagai hamba Allah yang paling taat beribadah, patuh, bersih hati dan diri, pembantu kepada orang-orang yang beriman dan musuh kepada orang-orang jahat

---

<sup>8</sup> Pada kanak-kanak terdapat sifat ingin bergerak. Dalam bersolat gerakan ini diatur sesuai dengan keperluan dan syarat gerakan solat.

<sup>9</sup> Ahmad D. Marimba, Pengantar Filsafat Pendidikan Islam, Al-Maarif, Bandung, Cet. 11, 1962, m.s. 67

berada di mana-mana sahaja dan lain-lain tugas dan sifat terpuji dapat membantu pertumbuhan sifat terpuji pada kanak-kanak, seperti amanah, menjaga diri dari perbuatan buruk dan menggalakkan berbuat baik. Ini lebih mudah disampaikan melaui suasana masjid. Pengertian mengenai hari akhirat dan balasan baik, balasan buruk dapat difahamkan kepada kanak-kanak melaui praktik-praktik yang dilakukan oleh pendidikan dan dapat dilihat oleh kanak-kanak dari apa yang berlaku di masjid. Upacara-upacara tertentu yang dilakukan terhadap jenazah-jenazah yang dibawa ke masjid dapat membantu kanak-kanak memahami hakikat hidup mereka. Pengertian seperti ini dapat membantu dan menggalakkan mereka membuat perkara-perkara terpuji sesuai dengan keperibadian Islam.

### **Masjid Memberikan Pendidikan Jasmani**

Disamping pembentukan kerohanian kanak-kanak melalui pelaksanaan ibadah, masjid dan lingkungan persekitarannya dapat menampung berbagai kegiatan bagi membantu pertumbuhan jasmani kanak-kanak.

Kawasan masjid dapat digunakan sebagai padang jasmani kanak-kanak. Perkarangan masjid dapat menampung berbagai-bagi keperluan dalam usaha membantu pertumbuhan jasmani kanak-kanak sesuai dengan besarnya dorongan untuk bergerak ( bermain dan bekerja ) pada kanak-kanak. Di antara aktiviti yang dapat menanam hubungan kanak-kanak dengan masjid seperti latihan (memanah,) jasmani, olahraga, berbagai-bagi jenis perlumbaan dan pertandingan yang berbentuk ilmiah dan galakan seperti pertandingan membaca dan mentafsir Al-Quran dan sebagainya dapat diadakan diperkarangan masjid. Acara perbarisan untuk kanak-kanak perlu ditentukan tempat berkumpulnya di masjid dan berakhirnya nanti di masjid pula. Sumbangan masjid melalui perkarangannya tidak terbatas pada keperluan peringkat kanak-kanak sahaja. Ia merangkumi kegiatan semua peringkat di mana kanak-kanak juga tidak terhalang untuk turut mendapat faedahnya. Kelab-kelab diskusi, latihan mempertahankan diri, kegiatan-kegiatan organisasi pelajar dan lain-lain dapat diusahakan tempatnya di sekitar masjid.<sup>10</sup>

Di kompleks masjid dapat pula dibuka gerai buku yang menyediakan buku-buku sesuai dengan keperluan kanak-kanak dan pelajar-pelajar Islam. Taman bacaan dapat menggunakan salah satu ruangan masjid untuk menempatkan perpustakaannya. Institusi Masjid haruslah dijadikan tempat percambahan ilmu, di mana masjid haruslah mempunyai perpustakaan yang lengkap bukan sahaja membekalkan buku-buku agama, tetapi juga buku yang berkaitan dengan ibadah dan muamalah. Buku mengenai ilmu sosial, ekonomi, politik dan sebagainya haruslah diletakkan di dalam perpustakaan masjid. Buku-buku ini boleh didapati secara mudah dan murah sekiranya pemimpin masjid itu sanggup meminta dari badan-badan tertentu seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, syarikat percetakan dan sebagainya. Selain itu, Imam juga boleh memohon derma daripada penduduk mukim atau daerah berkenaan.<sup>11</sup> Perpustakaan juga boleh ditubuhkan bagi memenuhi peranannya sebagai pusat penyebaran ilmu. Secara tidak langsung, ia dapat menarik lebih ramai masyarakat termasuklah kanak-kanak dan menepis tanggapan bahawa masjid hanya tempat untuk golongan tertentu sahaja dan hanya berbentuk keagamaan.<sup>12</sup>

---

<sup>10</sup> Drs. Sidi Gazalba, Masjid Pusat Ibadat Dan Kebudayaan Islam, Pustaka Antara,Jakarta..m.s 353

<sup>11</sup> Mohd Hairul Wariadi Bin Masandid. 2011. Keberkesanan Program Dakwah Di Masjid Al-Najihin Bandar Sri Permaisuri Kuala Lumpur. Latihan Ilmiah Diploma Pengajian Islam (Dakwah) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.hlm 31

<sup>12</sup> Norkumala binti Awang. Membudayakan Masjid Dalam Kalangan Generasi Muslim dalam <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/artikel/8173-membudayakan-masjid-dalam-kalangan-generasi-muslim>.

---

Contoh aktiviti yang dilakukan oleh Masjid Daerah Seberang Perai Selatan, Sungai Jawi. Masjid tersebut telah menganjurkan Karnival “Jom Pi Masjid” . Dalam program ini diadakan pameran dari agensi kerajaan dan swasta seperti Kementerian Dalam Negeri Bahagian Penerbitan (al-Quran), Kementerian Kesihatan, Bahagian Halal Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, Pusat Urus Zakat, Badan Kebajikan Masyarakat Daerah SPS, Bank Kerjasama Rakyat, Bank Islam Malaysia Berhad. Terdapat gerai-gerai jualan, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak yang ditaja oleh Galeri Ilmu, Penerbit Majalah Asuh dan Anis yang diketuai oleh Cikgu Abu Hasan Morad. Disamping itu juga diadakan pertandingan tilawah peringkat pelajar sekolah rendah. Pihak pengurusan masjid juga menyediakan program riadah berbentuk sunnah iaitu Paintball dan menunggang kuda. Acara ini sengaja diwujudkan agar masyarakat Islam dapat menjadikan permainan riadah ini sebagai alternatif baru dalam sukan yang memiliki ciri-ciri tarbiah jasmani dan rohani.<sup>13</sup>

Semua masjid adalah sama, cuma ada yang lebih selesa dengan sesuatu masjid kerana lebih luas, lebih bersih, ‘toilet’nya banyak, ahli jamaah yang datang solat lebih ‘kids friendly’, dan banyak lagi faktor.<sup>14</sup>

### Cadangan

Program mesra anak-anak perlu diperbanyakkan supaya anak-anak merasai institusi masjid adalah sebahagian dari kehidupan mereka. Masjid juga perlu berperanan sebagai sebuah tempat yang mesra pengunjung! Masjid bukan hanya tempat solat tetapi juga merupakan tempat kita melakukan pelbagai aktiviti, baik aktiviti jasmani, rohani, kebajikan, dan intelektual.<sup>15</sup>

Masjid perlu meningkatkan kesedaran dan kefahaman Islam, meningkatkan ilmu pengetahuan dan penguasaannya dengan apa yang mereka pelajari. Memperbaiki moral dan akhlak kanak-kanak. Memperbaiki kehidupan sosial kanak-kanak. Menggerakkan hubungan kanak-kanak dengan masjid. Memperkembangkan dakwah Islamiyyah dalam masyarakat tanpa mengira usia. Membetulkan tanggapan salah tentang Islam. Mengembalikan keagungan Islam dan kecemerlangan umat Islam dalam semua sudut kehidupan<sup>16</sup> dan perlu diubahkan ‘mindset’ sesetengah orang yang menjadikan masjid hanya untuk golongan dewasa sahaja.

### Penutup

Masjid memainkan peranan penting dalam mendidik kanak-kanak agar mereka dekat dan cinta kepadanya. Semua masjid perlu ‘kids friendly’ dan menjadikan masjid sebagai rumah ke 2 kanak-kanak. Di masjid, kanak-kanak dapat di didik rohaninya melalui pengajian al-Quran, praktik ibadah dan penerapan aqidah. Manakala pendidikan jasmani juga boleh diterapkan kepada mereka seperti latihan jasmani (memanah), olahraga, pelbagai jenis pertandingan dapat diadakan diperkarangan masjid. ‘Mindset’ sesetengah orang yang menjadikan masjid hanya untuk golongan dewasa sahaja perlulah diubah agar masjid dapat diimarahkan dengan sebaiknya oleh pelbagai peringkat umur.

### Rujukan

<sup>13</sup> <http://mdspsjapp.wordpress.com/2011/05/24/karnival-mencapai-sasaran/>

<sup>14</sup> <http://wanibrismfikry.wordpress.com/2010/04/04/memuliakan-tak-kena-cara>

<sup>15</sup> <http://wanibrismfikry.wordpress.com/2010/04/04/memuliakan-tak-kena-cara/>

<sup>16</sup> Abd Aziz bin Harjin. Peranan Masjid. <http://076115islam.blogspot.com/2009/04/peranan-masjid.html>

Ahmad D. Marimba, 1962. Pengantar Filsafat Pendidikan Islam, Al-Maarif, Bandung, Cet. 11,

Amri Mohd Nason Dan Aishah Hashimee. 2011. Kepentingan Mencorak Anak Dengan Al-Quran.ebook  
<http://076115islam.blogspot.com/2009/04/peranan-masjid.html>

<http://hasanfatula.blogspot.com>. Fungsi Dan Peranan Masjid Di Era Moden

<http://mdspsjaipp.wordpress.com/2011/05/24/karnival-mencapai-sasaran/>

<http://wanibrisamfikry.wordpress.com/2010/04/04/memuliakan-tak-kena-cara>

Mohd Hairul Wariadi Bin Masandid. 2011. Keberkesanan Program Dakwah Di Masjid Al-Najihin Bandar Sri Permaisuri Kuala Lumpur. Latihan Ilmiah Diploma Pengajian Islam (Dakwah) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Norkumala binti Awang. Membudayakan Masjid Dalam Kalangan Generasi Muslim dalam  
<http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/artikel/8173-membudayakan-masjid-dalam-kalangan-generasi-muslim>

Sidi Gazalba, Masjid Pusat Ibadat Dan Kebudayaan Islam, Pustaka Antara,Jakarta.

Sidi Gazalba,1975, Ilmu Jiwa Kanak-Kanak,Pustaka Antara,Jakarta.

Siti Zaharah A.Hamid.1981.Peranan Masjid dalam Pembentukan keperibadian Kanak-kanak.Skripsi Sarjana Muda Usuluddin dan Kemasyarakatan Nilam Puri.